

KUALA LUMPUR, 2 APRIL (BERNAMA) - TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENYERU PARA WARTAWAN JANGAN MENGGUNAKAN MATA PENA MEREKU UNTUK KEPENTINGAN MEREKA SENDIRI TANPA MEMIKIRKAN KERURUKAN YANG AKAN TIMBUL DARIPADA PERBUATAN MEREKA.

KATANYA, JURNALISME ADALAH SATU SENJATA YANG AMAT TAJAM YANG BOLEH DIGUNAKAN UNTUK KEBAIKAN ATAU PUN KERURUKAN MENURUT KEHENDAK SESEORANG WARTAWAN ITU SENDIRI.

BERUCAP DI MAJLIS JAMUAN MALAM UNTUK MERAIKAN PARA PESERTA SEMINAR JURNALISME MALAYSIA DI SINI, BELIAU MENAMBAH INI JALAN KERANA SESEORANG WARTAWAN ITU BOLEH MEMBERI GAMBARAN YANG BENAR MENGENAI SESUATU KEADAN ATAU PUN SEBALIKNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, TEMA SEMINAR DUA HARI ITU - KENEGARAAN MEMERUSI JURNALISME

YANG PERAKHIR HARI INI ADALAH KENA PADA MASANYA KERANA JURNALISME BUKAN SAHAJA MENJADI ALAT MEMBERI PENGAJARAN DAN PENGETAHUAN KEPADA SESABUAH NEGARA ITU MALAH KE SELURUH DUNIA. - BERSAMBUNG 2315/1B

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

MENURUTNYA, SEBUAH AKHBAR TEMPATAN CUBA MENARRIK PERHATIAN PARA PEMBACA DENGAN MENGGUNAKAN TAJUK-TAJUK BERITA YANG AMAT BERBEZA DARIPADA ISI BERITA ITU.

SEPATUTNYA MEREKA ITU TIDAK BOLEH BERBUAT DEMIKIAN KERANA SESEORANG WARTAWAN ITU MESTILAH BERPEGANG KEPADA KEBENARAN DAN CUBA MENINGGIKAN LAGI MUTU JURNALISME DENGAN MEMBERIKAN LAPORAN YANG SELENGKAP-LENGGAPNYA MENGENAI SESUATU PERKARA ITU.

TETAPI OLEH KERANA WARTAWAN ITU SEORANG MANUSIA BIASA MAKA MEREKA ITU KADANG KALA TERPAKSA MENGHADAPI TEKANAN-TEKANAN YANG MUNGKIN DATANG DARI DIRI MEREKA SENDIRI ATAU PUN DARI PIHAK-PIHAK TERTENTU, TAMBAH BELIAU.

TURUT HADIR DI MAJLIS MAKAN MALAM ITU JALAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH DAN LEBIH KURANG 200 ORANG PARA WARTAWAN DAN PENULIS-PENULIS TEMPATAN. - BERNAMA 2320/1B